

PBS sering halang pembangunan: PM

BN - 7 FEB 1984

Oleh Agoes Kholil

KOTA KINABALU, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, niat baik Kerajaan Pusat untuk membangunkan Sabah sering terbantut kerana diputarbelitkan oleh kerajaan negeri pimpinan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Menurut Perdana Menteri, PBS sering mengabui mata rakyat Sabah kerana Kerajaan Pusat tidak membawa pembangunan.

"Apabila Kerajaan Pusat ingin membangunkan Sabah, kerajaan PBS cuba menghalangnya dengan harapan Barisan Nasional (BN) tidak lagi dapat memerintah Sabah.

"PBS hanya akan membuat sesuatu untuk kepentingan dan masa depan parti itu serta pemimpinnya," katanya ketika berucap di perjumpaan bersama rakyat, di sini petang ini.

Perdana Menteri singgah di sini, dalam perjalanan pulang selepas melakukan lawatan rasmi ke Filipina.

Dr Mahathir berkata, rakyat Sabah kini menjadi mangsa kepada segala tindak tanduk PBS yang tidak berupaya membawa pembangunan kepada negeri ini.

Kerajaan PBS, katanya, mengemukakan beberapa tuntutan kepada Kerajaan Pusat seperti menubuhkan sebuah universiti dan juga menuntut supaya kadar royalti minyak ditingkatkan.

"Kerajaan PBS tahu bahawa Sabah mendapat royalti daripada minyak sama peratusannya dengan Sarawak dan Terengganu (lima peratus). Mengapa Sarawak dan Terengganu boleh maju sedangkan Sabah tidak boleh.

"Kerajaan Sarawak dan Terengganu masih boleh membangunkan negeri mereka tanpa menuntut royalti yang lebih tinggi," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan PBS menuntut royalti itu untuk membangkitkan perasaan marah di kalangan rakyat Sabah terhadap Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, jika Kerajaan Pusat memberi royalti yang tinggi kepada Sabah sekalipun, Pairin tetap menyalahkan Kerajaan Pusat kerana tidak membawa pembangunan ke Sabah.

Sehubungan dengan itu, kata Perdana Menteri, sukar bagi Kerajaan Pusat menyalurkan bantuan kepada Sabah, selagi PBS masih memerintah negeri ini.

Mengenai penamaan calon bagi pilihan raya Sabah esok, Perdana Menteri meminta rakyat negeri ini menyokong calon BN bagi memudahkan Kerajaan Pusat membawa lebih banyak kemajuan.

Beliau berkata, mereka harus menyokong calon, bukan kerana mereka mewakili parti komponen tertentu, sebaliknya mereka ialah calon BN.